

**PRK Pengkalan Kubor: Calon Perlu Ada Kriteria Dihormati, Diterima Pengundi -
Najib
Bernama
August 29, 2014**

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pemilihan calon Barisan Nasional (BN) bagi Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Kubor akan mengambil kira kriteria dihormati dan diterima secara peribadi oleh pengundi seperti Allahyarham Datuk Noor Zahidi Omar.

Perdana Menteri berkata kriteria itu ditetapkan bagi memastikan individu yang dipilih mampu menjadi wakil rakyat yang baik bagi meneruskan kejayaan yang dirintis oleh penyandangannya.

"Allahyarham merupakan seorang tokoh yang sangat popular dan telah mendapat sokongan peribadi yang banyak di kawasan tersebut.

"Maka, calon baharu nanti mestilah merupakan seorang yang boleh mengikut jejak langkah yang telah dirintis oleh Allahyarham," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Menara Dato Onn di sini, hari ini.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan pilihan raya kecil itu pada 25 Sept manakala penamaan calon pada 13 Sept.

Pilihan raya kecil itu diadakan ekoran kematian Noor Zahidi pada 20 Ogos lepas, akibat kanser hati.

Dalam memastikan hasrat mencari individu dengan kriteria sedemikian berjaya, Najib, yang juga Presiden Umno, berkata beliau dan kepimpinan parti sedia menerima dan menilai setiap nama yang disenaraikan Umno Kelantan termasuk individu yang dicalonkan oleh tiga sayap parti.

Berhubung permintaan Pemuda Umno supaya meletakkan calon daripada pergerakan itu, Najib berkata beliau terbuka untuk mendengar semua cadangan dan memerlukan sedikit masa untuk menilai dan meninjau potensi setiap calon yang dicadangkan.

"Bagi kita sedikit masa, kita akan pastikan calon itu adalah sesuai dan amat disenangi masyarakat tempatan dan ada kewibawaan untuk jadi wakil rakyat yang baik dan berkesan," katanya.

Pada Pilihan Raya Umum Mei tahun lepas, Noor Zahidi memperoleh undi sebanyak 10,174 mengalahkan calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) Saharun Ibrahim yang memperoleh 8,438 undi dan calon Bebas Izat Bukhary Ismail Bukhary yang mendapat 65 undi.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1064691>